

NO. SOALAN : 7

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
(2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[ KOTA SAMARAHAN ]**

**TARIKH : 9 JUN 2014 [ISNIN]**

**SOALAN :**

**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah persediaan Kerajaan menghadapi penularan wabak Mers-Cov pada musim Haji tahun ini.**

**JAWAPAN : (YB. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Lembaga Tabung Haji (TH) sentiasa memberi nasihat kesihatan kepada bakal haji melalui sesi penerangan kesihatan dalam kursus-kursus haji yang dijalankan, termasuk berkaitan MERS-CoV dan langkah

pencegahannya. **TH** juga bekerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk maklumat terkini tentang jangkitan MERS-CoV dan cara pengawalannya.

Bagi Musim Haji 1435H, semua bakal haji akan dibekalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan *Traveller's Hygiene Kit* yang mengandungi penutup mulut dan hidung (*mask*) serta diberi *hand sanitiser* untuk menjaga kebersihan diri. *Traveller's Hygiene Kit* akan diagih-agihkan kepada jemaah di setiap stesen berlepas.

Disamping itu, petugas **TH** dan perubatan dari Kementerian Kesihatan Malaysia yang akan bertugas di Arab Saudi juga telah diberi penerangan yang secukupnya. Manakala klinik-klinik **TH** yang diwujudkan di Bangunan Penginapan Jemaah Haji Malaysia akan membantu memantau dan merawat para pesakit.

Sekian, terima kasih.